

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 17 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan Konsep Hospital Mesra Ibadah yang dipeloporori oleh Hospital USM Kubang Kerian. Apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menjadikan konsep in sebagai sebahagian daripada program Kementerian untuk dilaksanakan di semua hospital dan setakat ini berapa buah hospital yang melaksanakan Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI).

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia Malaysia (KKM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sememangnya telahpun memulakan usaha-usaha ke arah pelaksanaan Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) di hospital-hospital KKM. Sebagai permulaan, KKM dengan kerjasama JAKIM telah pun menerbitkan dua bahan pendidikan Hospital Mesra Ibadah iaitu **Risalah Panduan Solat untuk Pesakit** dan **Video Panduan Solat Pesakit** bagi memudahkan

para pesakit solat di samping dapat digunakan sebagai '*training tools*' untuk melatih anggota hospital dalam usaha ke arah membantu para pesakit bersolat. Kedua-dua bahan ini boleh didapati di Laman Web InfoSihat, KKM (www.infosihat.gov.my) dan di laman YouTube, KKM (youtube.com/MyHEALTHKKM). Kedua-dua bahan ini serta Buku Panduan Bersuci dan Bersolat bagi Pesakit terbitan JAKIM telah pun dilancarkan bersama dengan Konsep Hospital Mesra Ibadah di Hospital Sungai Buloh pada 25 Febuari 2014 yang lalu. Pada majlis tersebut, semua Pengarah-pengarah Hospital Negeri dan Institusi telah dibekalkan dengan ke tiga-tiga bahan ini. Risalah dan Video Panduan Solat Pesakit juga telahpun diedarkan kepada semua hospital negeri dan hospital daerah di seluruh negara.

Pelaksanaan Konsep Hospital Mesra Ibadah di KKM telahpun dilaksanakan sebagai Projek Rintis di Hospital Sungai Buloh, Selangor. Di antara elemen-elemen penting yang dititikberatkan dalam Konsep ini adalah :

- a. Pengamal Perubatan yang mesra ibadah;
- b. Latihan yang bersesuaian kepada anggota berkaitan HMI;
- c. Persekitaran yang menyokong Konsep HMI;
- d. Peralatan atau adanya perkakasan seperti Sejadah, *Spray* untuk Wuduk, Debu Tayammum dan lain-lain peralatan yang diperlukan; dan
- e. Hak dan Keistimewaan Pesakit – Pesakit boleh merujuk dan mendapatkan kaunseling yang sesuai oleh pegawai agama yang bertauliah.

Berdasarkan maklumbalas yang positif daripada projek rintis ini, maka KKM akan menggunakan konsep yang sama untuk diperkukuhkan dan

diperluaskan lagi pelaksanaan Konsep Hospital Mesra Ibadah di semua hospital-hospital negeri, hospital pakar dan daerah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Mesra Ibadah (HMI) secara definisinya adalah "satu sistem kesihatan yang menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua aspek pengurusan dan amalan yang berkaitan, memberi fokus untuk memudahkan dan menggalakkan ibadah serta membudayakan dalam setiap amalan, untuk mencapai tahap kesihatan yang holistik dan komprehensif daripada sudut rohani, jasmani dan aqli".

Pendekatan HMI ini lebih dilihat dari segi perkhidmatan dan pendekatan yang diterapkan oleh anggota hospital dalam memberikan perkhidmatan yang holistik kepada pesakit, di mana doktor akan merawat pesakit manakala keperluan untuk ibadah serta pelaksanaannya juga diambil berat oleh anggota hospital.

Dari aspek menyediakan kemudahan fizikal, hospital-hospital KKM telah menyediakan kemudahan seperti bilik solat, dan dari aspek lain adalah kebersihan dan keceriaan persekitaran di mana elemen-elemen ini juga diterapkan di dalam skop penyelenggaraan hospital.